

**SOALAN LAZIM PEKELILING PERKHIDMATAN SISTEM SARAAAN PERKHIDMATAN AWAM**

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
<b>KEMUDAHAN</b>		
<b>PENAMBAHBAIKAN TAFSIRAN KELUARGA PEGAWAI - PEMANJANGAN KEMUDAHAN PERUBATAN UNTUK ANAK PEGAWAI DAN PESARA YANG MASIH MENDAPAT PENDIDIKAN MELEBIHI UMUR 21 TAHUN</b>		
1.	Sekiranya anak pegawai lahir pada 7 Julai 2006 dan tidak melanjutkan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi selepas selesai bersekolah di peringkat SPM, bilakah tarikh kelayakan kemudahan perubatan anak tersebut tamat?	Anak pegawai akan tamat kelayakan kemudahan perubatan pada tarikh 7 Julai 2024 iaitu pada umur anak pegawai memasuki 18 tahun.
2.	Adakah anak pegawai yang telah berumur melebihi 21 tahun layak menerima kemudahan perubatan?	Sekiranya anak pegawai masih belajar, anak tersebut layak menerima semua kemudahan perubatan yang dinyatakan dalam Perintah Am Bab F Tahun 1974 dan MyPPSM SR.2 tertakluk pada syarat dan peraturan yang ditetapkan.
3.	Bagaimana hendak membuktikan anak pegawai masih belajar?	Pegawai hendaklah mengemukakan dokumen pembuktian yang mengesahkan anak pegawai masih belajar di sesebuah institusi pendidikan. Sebagai contoh, surat pengesahan belajar atau surat tawaran yang mengesahkan anak pegawai telah diterima sebagai pelajar. Dalam hal ini, keputusan UPU yang menyatakan status permohonan kemasukan ke institusi pendidikan tidak boleh diterima sebagai dokumen pembuktian.
4.	Adakah anak pegawai yang telah berkahwin layak menerima kemudahan perubatan walaupun belum	Sekiranya anak pegawai berkahwin di bawah umur 18 tahun, kelayakan kemudahan perubatan anak tersebut akan tamat pada tarikh pernikahannya.

	melebihi had umur 18 tahun dan masih tinggal dengan pegawai?	
5.	Adakah anak pegawai yang berumur melebihi 21 tahun yang masih mendapat pendidikan dan telah berkahwin layak menerima kemudahan perubatan?	Kelayakan bagi anak pegawai yang masih mendapat pendidikan akan tamat apabila anak pegawai berkahwin tanpa mengambil kira had umur/ tahap pengajian.
6.	Adakah anak yang daif berumur melebihi 18 tahun masih layak menerima kemudahan perubatan?	Ya, bagi anak yang daif, tiada syarat umur terpakai. Kedaifan tersebut hendaklah disahkan oleh Bahagian Perkembangan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia (BPP, KKM) sebagai hilang upaya dari segi mental atau jasmani secara kekal yang menyebabkan tidak berupaya menanggung nafkah diri sendiri.
7.	Adakah anak yang bekerja secara separuh masa pada usia 22 tahun (tidak belajar) layak menerima kemudahan ini? Anak ini kemudiannya melanjutkan pelajaran ke ijazah pertama pada usia 23 tahun.	Anak pegawai layak menerima kemudahan perubatan jika mereka berumur lebih 18 tahun tetapi tidak melebihi 26 tahun dan masih berstatus pelajar yang sedang melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Pertama, mana yang terdahulu.  Walau bagaimanapun, jika pada bila-bila masa anak pegawai bukan berstatus pelajar, walaupun berumur antara 18 tahun hingga tidak melebihi 26 tahun, mereka tidak lagi layak menerima kemudahan perubatan tersebut.
<b>KEMUDAHAN PEMERIKSAAN KESIHATAN ATAS ASAS KEPERLUAN PERKHIDMATAN</b>		
8.	Apakah yang dimaksudkan dengan pemeriksaan kesihatan atas asas keperluan perkhidmatan?	Sebarang pemeriksaan kesihatan yang diwajibkan pengambilannya yang menjadi syarat melaksanakan sesuatu tugas rasmi pegawai sebagaimana termaktub dalam mana-mana akta/peraturan (statutori) berkuat kuasa atau pemeriksaan kesihatan tersebut merupakan keperluan organisasi dalam melaksanakan tugas.

9.	Siapa yang boleh menentukan sama ada ia merupakan keperluan statutori atau keperluan organisasi?	<p>i) <u>Penentuan keperluan statutori:</u></p> <p>Keperluan pemeriksaan kesihatan tersebut dinyatakan <b>secara jelas</b> dalam Akta/Peraturan yang berkuat kuasa.</p> <p>Contoh:</p> <p><i>Civil Aviation Directives – 1004 (Medical Requirements) states that Flight Crew Members and Air Traffic Controllers shall not exercise the privileges of their license/certificate <b>unless they hold a current medical assessment appropriate to the license held as prescribed by the Civil Aviation Authority of Malaysia.</b></i></p> <p>ii) <u>Penentuan keperluan organisasi</u></p> <p>Keperluan pemeriksaan kesihatan tersebut tidak dinyatakan secara jelas dalam Akta/Peraturan tetapi ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan sebagai langkah pencegahan kepada pegawai yang terdedah dengan ancaman/risiko penyakit.</p> <p>Contoh:</p> <p>Ketua Jabatan mendapati terdapat keperluan untuk salah seorang pemandu menjalani pemeriksaan mata dan keperluan pemeriksaan tersebut tidak dinyatakan secara jelas dalam mana-mana</p>

		akta/peraturan berkuat kuasa sebagai syarat untuk melaksanakan tugas rasmi pegawai.
10.	Adakah pegawai boleh menjalani pemeriksaan kesihatan tanpa arahan Ketua Jabatan dengan asas keperluan tugas sama ada bagi keperluan statutori atau keperluan organisasi dan menuntut kos pemeriksaan kesihatan tersebut?	Sebarang keperluan pemeriksaan kesihatan hendaklah ditentukan oleh Ketua Jabatan dan perlu mematuhi peraturan dan syarat yang ditetapkan.  Sekiranya pegawai sendiri hendak menjalani pemeriksaan kesihatan tanpa arahan Ketua Jabatan, maka permohonan perbelanjaan kemudahan pemeriksaan kesihatan adalah tidak layak untuk dituntut.
11.	Adakah pemeriksaan kesihatan atas urusan persendirian di dalam dan di luar negara termasuk dalam kemudahan ini?	Tidak.  Kemudahan ini hanya diperuntukkan atas asas keperluan perkhidmatan sahaja.
12.	Apakah jenis pemeriksaan kesihatan yang ditanggung di bawah kemudahan ini?	Sebarang keperluan pemeriksaan kesihatan yang dinyatakan dalam mana-mana akta atau peraturan berkuat kuasa.  Sekiranya keperluan pemeriksaan kesihatan tersebut tidak dinyatakan dalam mana-mana akta atau peraturan yang berkuat kuasa, ia boleh dianggap sebagai keperluan organisasi. Dalam hal ini, Ketua Jabatan hendaklah mendapatkan perakuan Ketua Perkhidmatan setelah mendapatkan sokongan daripada Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam, Kementerian Kesihatan Malaysia berhubung keperluan pemeriksaan kesihatan.

13.	Adakah pegawai lantikan kontrak layak menikmati kemudahan pemeriksaan kesihatan atas asas keperluan perkhidmatan?	Lantikan <i>Contract of Service</i> adalah layak menerima kemudahan ini termasuklah pegawai yang dilantik secara kontrak interim tertakluk kepada terma syarat kontrak pegawai.
14.	Adakah Ketua Jabatan boleh menggunakan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Tahun 1994 untuk mengesahkan keperluan statutori?	Akta yang umum tidak boleh digunakan untuk pengesahan keperluan statutori. Sekiranya keperluan pemeriksaan kesihatan tidak dinyatakan secara khusus dalam Akta, maka ia boleh dianggap sebagai keperluan organisasi dan Ketua Jabatan hendaklah mematuhi tatacara seperti yang dinyatakan dalam Ceraian ini.
15.	Di manakah kemudahan pemeriksaan kesihatan boleh diperolehi?	Kemudahan ini boleh diperolehi di semua fasiliti kesihatan Kerajaan seperti klinik/hospital di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia, Hospital Universiti, Hospital Angkatan Tentera dan Yayasan Perubatan Kerajaan.
16.	Bagaimana sekiranya pemeriksaan kesihatan tidak dapat disediakan di fasiliti kesihatan Kerajaan?	Sekiranya kemudahan pemeriksaan kesihatan yang diperlukan tidak dapat diperolehi di fasiliti kesihatan Kerajaan, kemudahan tersebut boleh diperolehi di fasiliti kesihatan swasta atas tanggungan Kerajaan tertakluk kepada pematuhan terhadap syarat-syarat yang ditetapkan dalam Ceraian ini.
<b>KEMUDAHAN PEMBERIAN VAKSIN ATAS ASAS KEPERLUAN PERKHIDMATAN</b>		
17.	Apakah yang dimaksudkan dengan pemberian vaksin atas asas keperluan perkhidmatan?	Sebarang vaksin yang diwajibkan pengambilannya yang menjadi syarat melaksanakan sesuatu tugas rasmi pegawai sebagaimana termaktub dalam

		<p>mana-mana akta/peraturan (statutori) berkuat kuasa atau vaksin tersebut merupakan keperluan organisasi dalam melaksanakan tugas.</p>
<p>18.</p>	<p>Siapa yang boleh menentukan sama ada ia merupakan keperluan statutori atau keperluan organisasi?</p>	<p>iii) <u>Penentuan keperluan statutori:</u></p> <p>Keperluan vaksin tersebut dinyatakan <b>secara jelas</b> dalam Akta/Peraturan yang berkuat kuasa.</p> <p>Contoh:</p> <p style="padding-left: 40px;">Menurut Peraturan 11, Peraturan Kebersihan Makanan 2009, pemilik premis makanan hendaklah tidak menggaji atau membenarkan mana-mana pengendali makanan bekerja di premisnya, melainkan jika mereka diberi <b>suntikan vaksin (pelalian anti-tifoid)</b> oleh pengamal perubatan berdaftar.</p> <p>iv) <u>Penentuan keperluan organisasi</u></p> <p>Suntikan vaksin tersebut tidak dinyatakan secara jelas dalam Akta/Peraturan tetapi ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan sebagai langkah pencegahan kepada pegawai yang terdedah dengan ancaman/risiko penyakit.</p> <p>Contoh:</p> <p style="padding-left: 40px;">Ketua Jabatan mendapati terdapat keperluan untuk pegawai yang berurusan dengan orang awam dan orang asing untuk mendapatkan satu vaksin sebagai perlindungan diri dan keperluan vaksin tersebut tidak dinyatakan secara jelas dalam mana-mana akta/peraturan</p>

		berkuat kuasa sebagai syarat untuk melaksanakan tugas rasmi pegawai.
19.	Adakah pegawai boleh mengambil suntikan vaksin tanpa arahan Ketua Jabatan dengan asas keperluan tugas sama ada bagi keperluan statutori atau keperluan organisasi dan menuntut kos suntikan tersebut?	<p>Sebarang keperluan suntikan vaksin hendaklah ditentukan oleh Ketua Jabatan dan perlu mematuhi peraturan dan syarat yang ditetapkan.</p> <p>Sekiranya pegawai sendiri hendak mengambil suntikan vaksin tanpa arahan Ketua Jabatan, maka permohonan perbelanjaan kemudahan vaksin adalah tidak layak untuk dituntut.</p>
20.	Adakah suntikan vaksin atas urusan persendirian di dalam dan di luar negara termasuk dalam kemudahan ini?	<p>Tidak.</p> <p>Kemudahan ini hanya diperuntukkan atas asas keperluan perkhidmatan sahaja.</p>
21.	Apakah jenis vaksin yang ditanggung di bawah kemudahan ini?	<p>Sebarang pengambilan vaksin yang dinyatakan dalam mana-mana akta atau peraturan berkuat kuasa.</p> <p>Sekiranya tidak dinyatakan dalam mana-mana akta atau peraturan berkuat kuasa dan Ketua Jabatan mendapati terdapat keperluan pengambilan vaksinasi, Ketua Jabatan hendaklah mendapatkan pandangan dan sokongan daripada Bahagian Kawalan Penyakit, KKM dan seterusnya dikemukakan kepada Ketua Perkhidmatan untuk mendapatkan perakuan sebelum sebarang arahan boleh dikeluarkan kepada pegawai untuk mengambil vaksin tersebut.</p>
22.	Adakah pegawai lantikan kontrak layak menikmati kemudahan pemberian vaksin?	Lantikan <i>Contract of Service</i> adalah layak menerima kemudahan ini termasuklah pegawai yang dilantik secara kontrak interim tertakluk kepada terma syarat kontrak pegawai.

23.	Adakah Ketua Jabatan boleh menggunakan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Tahun 1994 untuk mengesahkan keperluan statutori?	Akta yang umum tidak boleh digunakan untuk pengesahan keperluan statutori. Sekiranya keperluan pengambilan vaksin tidak dinyatakan secara khusus dalam Akta, maka ia boleh dianggap sebagai keperluan organisasi dan Ketua Jabatan hendaklah mematuhi tatacara seperti yang dinyatakan dalam Ceraian ini.
24.	Di manakah kemudahan pemberian vaksin boleh diperolehi?	Kemudahan ini boleh diperolehi di semua fasiliti kesihatan Kerajaan seperti klinik/hospital di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia, Hospital Universiti, Hospital Angkatan Tentera dan Yayasan Perubatan Kerajaan.
25.	Bagaimana sekiranya vaksin tidak dapat disediakan di fasiliti kesihatan Kerajaan?	Sekiranya kemudahan vaksin yang diperlukan tidak dapat diperolehi di fasiliti kesihatan Kerajaan, kemudahan tersebut boleh diperolehi di fasiliti kesihatan swasta atas tanggungan Kerajaan tertakluk kepada pematuhan terhadap syarat-syarat yang ditetapkan dalam Ceraian ini.